

BAB 3

REKA BENTUK DAN METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Kajian tentang sikap dan penggunaan bahasa merupakan kajian sains sosial yang tidak boleh dipisahkan daripada masyarakat. Dalam kajian ini tumpuan diberi terhadap sikap pelajar mempelajari bahasa Melayu yang bersifat bahasa kumpulan minoriti di kawasan kajian dan ditawarkan sebagai satu kursus bahasa asing di universiti. Responden yang dikaji pula terdiri daripada pelajar yang bersifat sekurang-kurangnya dwibahasa dan sesetengahnya pula mengetahui tiga bahasa atau lebih. Dalam komuniti yang bersifat dwibahasa atau pelbagai bahasa ini, anggota masyarakat terpaksa memilih untuk menggunakan salah satu bahasa yang dikuasainya untuk berkomunikasi. Kadangkala pula mereka menggunakan satu bahasa untuk digunakan dalam satu situasi dan bahasa yang lain untuk situasi yang lain. Keadaan ini menyebabkan berlakunya pemilihan bahasa. Melalui pemilihan bahasa ini dapatlah dilihat sejauh manakah bahasa kaum minoriti yang dipelajari digunakan.

3.1 Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian yang bersifat deskriptif yang dijalankan dengan melakukan penyelidikan lapangan. Penyelidikan yang bersifat deskriptif telah sedia maklum digunakan dengan meluas dalam bidang sains sosial. Kajian diskriptif menjelaskan dan melaporkan tentang bagaimana sesuatu keadaan itu terjadi. Leedy (1993) telah menjelaskan tentang kajian deskriptif dengan mengatakan,

“A descriptive study determines and reports the way things are. It is concerned with the conditions or relationship that exist, practices that prevail, beliefs or points of view that are held, processes that are going on, effects that are being felt, or trends that are developing.”

(Leedy, 1993:187)

Penyelidikan lapangan merupakan satu penyelidikan yang dilakukan dalam keadaan atau situasi yang realistik. Syed Arabi Aidid (1998) mengatakan kajian lapangan sesuai dilakukan untuk mengetahui proses dan perubahan penghidupan sehari-hari. Memandangkan kajian ini dilakukan dalam persekitaran semula jadi, maka ia menggambarkan berlakunya keadaan sebenar dan tingkah laku semula jadi.

Berdasarkan cara mengumpul data, penyelidikan lapangan boleh dibahagikan kepada dua, iaitu penyelidikan yang bersifat kuantitatif dan penyelidikan yang bersifat kualitatif. Dalam penyelidikan yang bersifat kuantitatif

penyelidik biasanya menggunakan soal selidik untuk mengumpul data. Bagi penyelidikan yang bersifat kualitatif pula, penyelidikan akan dilakukan dengan cara temu bual, pemerhatian dan teknik-teknik lain bersesuaian dengan persekitaran tempat penyelidikan. Potter & Wetherell (1987) mengatakan teknik mengumpul data secara kualitatif ini membantu mengurangkan kemungkinan responden berasa terpaksa menjawab sesuatu soalan itu mengikut arahan tertentu sahaja.

Berdasarkan kaedah penyelidikan yang telah digunakan oleh pengkaji terdahulu dalam bidang sains sosial, kebanyakan pengkaji yang mengkaji sikap dan penggunaan bahasa menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan data kuantitatif. Didapati kaedah pemerhatian ikut serta/langsung dan pemerhatian tidak langsung digunakan untuk mendapatkan data yang bersifat kualitatif. Untuk mengumpul data tentang sikap rata-rata pengkaji menggunakan kaedah soal selidik. Bagi melihat gejala penggunaan bahasa pula kaedah soal selidik dan kaedah-kaedah lain seperti pemerhatian dan temu bual merupakan kaedah yang digunakan oleh kebanyakan pengkaji.

3.1.1 Kaedah Soal Selidik

Kaedah soal selidik ini adalah satu kaedah yang digunakan oleh kebanyakan pengkaji dalam mengkaji sikap dan penggunaan bahasa. Melalui kaedah ini data dikumpul menggunakan teknik persampelan dan teknik statistik yang menghasilkan data kuantitatif. Pengkaji yang mengkaji sikap bahasa seperti

Gardner dan Lambert (1959), Anisfield dan Lambert (1961), Pearl dan Lambert (1961), Spolsky (1969), Lukmani (1972), Rajagopal (1976), Oller, Hudson dan Liu (1977), Chihara dan Oller (1977), Pierson, Fu dan Lee (1980), Sally (1981), Mariam Zamani (1983), Kamsiah Abdullah (1984), Asmah Hj. Omar (1992), Hafriza Buranudeen Meedin (1993), Nurhizan Manaf (1995), Salim dan Feuverger (1996), Ahmad Masduki Komar (1998), Charanjit Singh Durbara (1998), Ibtisam Naji (1999), Hassan Mohamad Doka (2000) dan Chow (2001) dan sebagainya lagi, rata-rata menggunakan kaedah soal selidik bagi tujuan mengumpul data dalam kajian yang mereka jalankan.

Pengkaji-pengkaji yang menjalankan kajian tentang penggunaan bahasa atau yang berkaitan dengannya, seperti Fishman (1964), Gumperz (1964) Greenfield (1972), Blom dan Gumperz (1972), Giles, Bourhis dan Taylor (1977), Platt (1977), Abdulaziz Mkilifi (1978), Ure (1979), Parasher (1980), Heller (1982), Wong (1987), Nor Hisham Osman (1991 dan 1999), Norizah Ardi (1992), Scotton (1993), Tan (1993), Bibi Aminah Abdul Gani dan Abang Ahmad Ridzuan (1993), Li Wei (1995), Lewis (1996), Conrad Ozog (1996), dan Kong (1999) juga telah menggunakan kaedah soal selidik dalam mengumpul data. di samping menggunakan satu kaedah lain seperti temu bual, pemerhatian ikut serta dan sebagainya untuk mengesahkan dapatan kajian.

Terdapat dua cara yang digunakan oleh ahli sosiolinguistik untuk mendapatkan data melalui kaedah ini. Pertama berdasarkan bancian penduduk

yang dijalankan oleh kerajaan dan yang kedua pula, penyelidik menjalankan soal selidik sendiri terhadap sejumlah sampel yang mewakili keseluruhan anggota komuniti yang dikaji yang telah dipilih secara rambang.

Cara pertama boleh digunakan untuk mendapatkan data mengenai sikap dan penggunaan bahasa bagi kawasan yang luas seperti sebuah negeri atau negara. Komuniti kajian juga perlulah menyeluruh, bukannya terhad kepada kelompok tertentu sahaja. Untuk mengumpul data melalui cara ini, penyelidik perlu mendapatkan data bancian penduduk bagi tempoh sepuluh tahun atau lima tahun. Dari data bancian ini dapat diketahui maklumat mengenai pertambahan atau pengurangan anggota sesuatu komuniti tersebut. Walau bagaimanapun, kaedah ini agak lemah kerana bancian penduduk kerajaan selalunya tidak memasukkan data yang berkaitan dengan aspek bahasa penduduk secara terperinci.

Bagi cara kedua pula, data dikumpul melalui bancian yang dilakukan sendiri oleh pengkaji. Satu set soal selidik mengenai maklumat yang dikehendaki disediakan. Borang soal selidik diedarkan kepada responden dan responden diminta mengisi maklumat yang diperlukan atau penyelidik sendiri yang berjumpa dengan responden dan mengisi borang soal selidik tersebut dengan maklumat yang diberikan oleh responden.

Umumnya rata-rata pengkaji menggunakan kaedah soal selidik untuk mengkaji tentang sikap dan penggunaan bahasa. Ada sesetengah pengkaji

menggunakan kaedah soal selidik sahaja. Namun kebanyakannya pengkaji akan menggunakan kaedah soal selidik bersama satu kaedah lain.

3.1.2 Kaedah Pemerhatian ikut serta

Kaedah pemerhatian ikut serta merupakan satu kaedah untuk mengumpul data kualitatif. Banyak kelebihannya menggunakan kaedah ini. Syed Arabi Aidid mengatakan,

“Bagi kajian ke atas sekumpulan masyarakat tertentu, kadang kala sukar untuk mengumpul maklumat yang cukup, dan berguna melalui soal selidik atau temu bual kerana kesukaran mendapatkan kerjasama yang penuh dan saksama daripada responden. Melalui kaedah pemerhatian ikut serta, penglibatan pengkaji dalam kumpulan yang dikaji akan menolongnya mendapatkan data tentang apa yang dikehendaki.”

(Syed Arabi Aidid, 1998:135)

Kaedah penyelidikan secara pemerhatian ikut serta ini boleh dilakukan dengan dua cara berdasarkan kesesuaian. Cara pertama adalah pemerhatian ikut serta secara terbuka. Melalui cara ini penyelidik akan turut serta dalam aktiviti kehidupan seharian komuniti yang dikaji dan anggota komuniti tersebut sedar tentang kehadiran dan tujuan penyelidik. Dalam keadaan tertentu, penyelidik akan melakukan temu bual dengan informan atau responden dengan mengemukakan soalan-soalan yang bersangkutan dengan perkara yang dikaji. Terdapat dua jenis temu bual, iaitu temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur.

Temu bual berstruktur adalah temu bual yang dilakukan terhadap responden berdasarkan set soalan yang telah disusun terlebih dahulu. Soalan-soalan ini disusun secara sistematik dan formal. Temu bual tidak berstruktur pula adalah temu bual yang dilakukan dalam bentuk perbualan biasa tanpa melibatkan soalan yang tersusun dan membiarkan responden bebas bercakap dan penyelidik mendengar dan mencatatkan maklumat yang diperlukan.

Bagi menjalankan temu bual, baik yang berstruktur maupun yang tidak berstruktur, penyelidik perlu menguasai satu bahasa kerja, iaitu bahasa yang boleh difahami oleh kedua-dua pihak, penyelidik dan anggota komuniti yang dikaji. Bahasa kerja itu boleh merupakan bahasa komuniti itu, atau bahasa penyelidik, atau satu bahasa lain, asalkan bahasa itu dapat difahami oleh kedua belah pihak. Sekiranya perlu khidmat penterjemah juga boleh digunakan.

Cara yang kedua pula melalui pemerhatian ikut serta secara tersembunyi. Dalam kaedah ini, walaupun penyelidik turut serta dalam aktiviti kehidupan seharian komuniti yang dikaji, tetapi penyelidik cuba tidak menonjolkan dirinya. Penyelidik juga mengelak daripada mengemukakan soalan-soalan secara terbuka. Kaedah ini sesuai dilakukan di kawasan yang politiknya tidak stabil dan isu yang dikaji itu sensitif. Kehadiran orang luar yang bertanya tentang pelbagai perkara dikuatirkan akan menimbulkan syak wasangka dan ketegangan.

Daripada penelitian yang dibuat terhadap penyelidikan-penyalidikan yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu, didapati ada beberapa orang penyelidik yang telah menggunakan kaedah ini dalam kajian mereka. Ada yang hanya menggunakan kaedah ini semata-mata dan ada juga yang menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta bersama satu kaedah lain. Tan (1993) hanya menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta sahaja dalam mengumpul data semasa menjalankan kajian tentang pemilihan bahasa dan kelas sosial dalam domain jual beli di Singapura. Lewis (1996) pula telah menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta secara tersembunyi semasa membuat kajian tentang pemeliharaan bahasa di kalangan tujuh komuniti K'iche' (bangsa Maya) di Guatemala. Nor Hisham Osman (1999) yang mengkaji pemeliharaan dan penyisihan bahasa di kalangan komuniti minoriti Rajang-Tanjung, telah mengumpul data penggunaan bahasa komuniti tersebut menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta di samping kaedah soal selidik.

Kaedah pemerhatian ikut serta ini merupakan antara kaedah yang sesuai dalam mengumpul data tentang sikap dan penggunaan bahasa terutamanya bagi tujuan mengesahkan data yang telah diperolehi daripada borang soal selidik yang diedarkan.

3.2 Kaedah yang Digunakan dalam Kajian Sikap dan Penggunaan Bahasa Pelajar Universiti Prince of Songkla dan Pelajar Universiti Walailak

Dalam kajian ini, data dikumpul dengan menggunakan kedua-dua teknik, iaitu kaedah soal selidik dan kaedah pemerhatian. Kaedah soal selidik digunakan bagi mendapatkan data yang bersifat kuantitatif. Kaedah pemerhatian, yakni pemerhatian ikut serta pula digunakan bagi mengumpul data yang bersifat kualitatif. Data kualitatif ini penting bagi mengesahkan dapatan yang diperolehi dari soal selidik yang dijalankan.

Kajian lapangan bagi tujuan mengumpul data untuk kajian ini telah dijalankan pada tahun 2002. Enam bulan sebelum kajian dijalankan penyelidik telah menghubungi pihak universiti dan jabatan yang berkenaan untuk mendapatkan kebenaran membuat penyelidikan. Lawatan pertama telah dibuat pada bulan Februari 2002. Penyelidik telah berada di setiap universiti hampir setiap bulan dalam tahun yang berkenaan. Ada masanya penyelidik tinggal di kawasan kajian selama dua minggu. Ada ketikanya pula selama dua tiga hari, bergantung kepada keperluan berada di kawasan kajian.

Untuk tujuan mengedar borang soal selidik kepada responden, penyelidik telah meminta kebenaran pensyarah yang mengajar kursus bahasa Melayu di kedua-dua universiti mengedarkan borang soal selidik pada waktu kelas bahasa

Melayu dan meminta pelajar mengisi borang soal selidik tersebut pada waktu itu juga dan mengembalikan borang soal selidik yang telah diisi sebelum meninggalkan kelas. Dengan cara ini, semua pelajar yang hadir pada hari tersebut telah dijadikan sebagai responden.

Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian ikut serta digunakan untuk mengesahkan dapatan yang diperolehi melalui soal selidik. Pengesahan aspek penggunaan bahasa mengikut domain seperti yang diajukan dalam Soal Selidik (Bahagian D) hanya dapat dilakukan dengan menggunakan kaedah ini

Semasa di Universiti Walailak, dengan bantuan isteri seorang pensyarah warga Thai penyelidik telah pergi ke kawasan kampung berhampiran kampus. Di kampung tersebut, penyelidik telah memerhatikan penggunaan bahasa masyarakat tempatan ketika berkomunikasi di masjid, surau, kedai, pasar dan sebagainya. Di samping itu, pusat-pusat membeli belah seperti pasar raya, bazar, kedai bunga, kedai barang tembaga dan pusat-pusat pentadbiran kerajaan di bandar yang berdekatan juga turut dikunjungi.

Di Prince Of Songkla Universiti (PSU) pula, penyelidikan dijalankan dengan bantuan seorang pensyarah, pembantu pensyarah dan seorang pelajar. Seperti apa yang dilakukan di Universiti Walailak, di PSU, penyelidik telah mengedar dan mengumpul borang soal selidik dengan memasuki kelas bahasa Melayu dan semua pelajar yang hadir pada minggu tersebut dijadikan responden.

Kemudian penyelidik pergi membuat pemerhatian penggunaan bahasa pelajar di tempat-tempat seperti masjid, surau, kedai, pasar, pasar pagi, pasar malam, pejabat, bank, restoran dan sebagai, sama seperti yang dilakukan semasa di Universiti Walailak, Nakhon Sri Thammarat.

3.2.1 Kaedah Soal Selidik

Dalam kajian ini kaedah soal selidik telah digunakan. Bahagian ini akan diuraikan secara terperinci butiran tentang penyusunan borang soal selidik, kandungan borang soal selidik, pengedaran dan pengumpulan borang soal selidik dan prosidur menganalisisnya.

3.2.1.1

Penyusunan Borang Soal Selidik

Dalam kajian ini, soal selidik disusun berdasarkan aspek yang diperlukan dalam kajian sikap dan penggunaan bahasa. Ada dua bentuk soalan telah digunakan oleh pengkaji untuk membina soal selidik, iaitu soalan terbuka dan soalan tertutup.

Soalan terbuka digunakan untuk soalan BAHAGIAN A, iaitu maklumat latar diri, BAHAGIAN B, maklumat bahasa dan pendidikan dan soalan untuk BAHAGIAN D, iaitu maklumat pemilihan dan penggunaan bahasa mengikut domain.. Menurut Syed Arabi Aidi (1998), jika pengkaji mendapati sesuatu kajian

itu mempunyai banyak kategori jawapan, maka lebih baiklah menggunakan soalan terbuka. Oleh sebab soalan yang dikemukakan dalam BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B lebih bersifat maklumat umum dan sebagai latar belakang kajian, maka soalan bentuk terbuka ini adalah lebih sesuai. Bagi BAHAGIAN D, soalan-soalan dibina bersifat separa tertutup, yakni dipersembahkan dalam bentuk yang telah ada pengkhususannya. Tujuannya adalah untuk memudahkan proses menganalisis data.

Dalam borang soal selidik ini, soalan bentuk tertutup disusun untuk BAHAGIAN C. Soalan tertutup ini dibina berdasarkan skala Likert (1932). Berdasarkan kajian lalu didapati untuk mengkaji sikap, membuat soalan menggunakan skala Likert merupakan cara sesuai dan biasa digunakan oleh pengkaji. Gall, Borg dan Gall (1996:297) mengatakan, “*Likert Scales, which typically ask for the extent of agreement with an attitude item (for example, a five-point scale ranging from “strongly disagree” to “strongly agree”) are a common type of attitude scale.*” Oleh itu, dalam kajian ini semua soalan yang berkait dengan sikap dan aspek lain yang berkaitan dengannya, yakni soalan BAHAGIAN C, yang tujuannya untuk mendapatkan data tentang sikap terhadap bahasa Melayu, sebab mempelajari bahasa dan motivasi pelajar mempelajari bahasa telah dibina menggunakan skala ini. Soalan-soalan dibina dalam bentuk kenyataan tentang perkara-perkara di atas.

Jawapan-jawapan yang perlu ditandakan oleh responden menggunakan skala empat pemeringkatan. Untuk soalan BAHAGIAN C, sejumlah kenyataan berhubung dengan sikap, sebab mempelajari bahasa dan motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu dikemukakan bersama jawapan yang berskala seperti berikut:

- | | |
|-------|---|
| SKALA | <ol style="list-style-type: none">1. Sangat tidak bersetuju2. Tidak bersetuju3. Bersetuju4. Sangat bersetuju |
|-------|---|

Skala jawapan empat pemeringkatan ini dibuat dalam bentuk yang jelas menunjukkan sikap, yakni dua jawapan bersifat negatif iaitu **Sangat tidak bersetuju** dan **Tidak bersetuju** dan dua jawapan lagi bersifat positif iaitu **Bersetuju** dan **Sangat Bersetuju**.

3.2.1.2

Kandungan Borang Soal Selidik

Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini, (sila lihat *LAMPIRAN 1: Borang Soal Selidik*) terbahagi kepada empat bahagian. Setiap bahagian mempunyai pengkhususan yang tersendiri mengikut keperluan kajian.

i. **BAHAGIAN A**

BAHAGIAN A mengandungi soalan maklumat tentang diri responden. Maklumat ini diperlukan sebagai latar belakang responden. Terdapat tujuh soalan yang dikemukakan berhubung dengan nama universiti dan tempat belajar, jantina, umur, wilayah tempat tinggal asal, agama dan taraf perkahwinan.

ii. **BAHAGIAN B**

Dalam BAHAGIAN B dikemukakan soalan bagi mendapatkan maklumat bahasa dan pendidikan responden. Terdapat empat soalan dalam bahagian ini, iaitu berhubung dengan bahasa ibunda, tahun pengajian, tahap penguasaan bahasa Melayu dan bahasa-bahasa lain yang pernah dipelajari berserta tahap penguasaan bahasa tersebut. Bagi soalan yang berkaitan dengan tahap penguasaan bahasa ini pelajar dikehendaki menandakan tahap penguasaan bahasa mereka berdasarkan skala yang diberi iaitu lancar, sederhana, kurang lancar dan tidak tahu bagi komponen bertutur, mendengar, membaca dan menulis.

iii. **BAHAGIAN C**

BAHAGIAN C pula mengandungi soalan yang berhubung dengan sikap pelajar terhadap bahasa Melayu (4 soalan), sebab-sebab pelajar mempelajari bahasa Melayu (7 soalan) dan motivasi dalam mempelajari bahasa Melayu (18

soalan). Dalam bahagian ini, soalan dikemukakan dalam bentuk kenyataan dan jawapan dalam bentuk skala empat pemeringkatan.

Terdapat empat kenyataan umum tentang bahasa Melayu dikemukakan bagi melihat sikap pelajar dan pandangan pelajar terhadap bahasa Melayu, sama ada positif atau negatif, iaitu:

- a. Bahasa Melayu mudah dipelajari
- b. Bahasa Melayu amat menarik
- c. Bahasa Melayu penting untuk komunikasi di rantau Asia Tenggara
- d. Banyak bunyi yang sedap didengar dalam bahasa Melayu

Soalan-soalan ini dikemukakan untuk mendapatkan data tentang sikap pelajar secara umum terhadap bahasa Melayu.

Bagi mengetahui sebab-sebab pelajar mengikuti kursus bahasa Melayu, sebanyak tujuh soalan dalam bentuk kenyataan telah dikemukakan, iaitu:

- a. Bahasa Melayu merupakan kursus wajib
- b. Saya tertarik hati kepada pelajaran bahasa Melayu
- c. Saya suka membaca bahan rujukan yang diberi oleh pensyarah.
- d. Banyak buku tentang agama (Islam) ditulis dalam bahasa Melayu
- e. Saya lebih minat mempelajari bahasa berbanding pelajaran lain

- f. Saya berasa mudah untuk mendapat markah tinggi dalam pelajaran Bahasa Melayu
- g. Cara guru mengajar menarik minat saya untuk terus belajar bahasa Melayu.

Bagi mengetahui motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu pula, sebanyak 18 kenyataan dikemukakan kepada pelajar. Lima daripada kenyataan-kenyataan tersebut berorientasi integratif, lapan berorientasi instrumental dan lima lagi motivasi yang bersifat identiti dan kesetiaan kepada bahasa dan budaya ibunda/nenek moyang. Kenyataan-kenyataan yang berorientasi integratif tersebut ialah:

- m. Belajar bahasa Melayu penting bagi saya untuk membolehkan saya berhubung di kampung/ daerah tempat tinggal saya.
- n. Belajar bahasa Melayu dapat memudahkan saya berhubung kerana saya bercadang untuk berkahwin dengan Thai Muslim.
- o. Belajar bahasa Melayu penting bagi saya untuk memudahkan saya berhubung dengan golongan tua di kalangan Thai Muslim.
- q. Belajar bahasa Melayu penting bagi saya kerana kebanyakan rakan-rakan saya suka bertutur menggunakan bahasa Melayu dialek pattani.
- r. Belajar bahasa Melayu penting bagi saya untuk memudahkan saya berhubung dengan kawan-kawan dan saudara mara yang tinggal di sempadan Malaysia.

Kenyataan-kenyataan yang berorientasi instrumental tersebut, ialah:

- a. Saya bercadang untuk bekerja di Malaysia.
- b. Saya bercadang untuk melanjutkan pelajaran ke kolej/universiti di Malaysia.
- c. Saya bercadang untuk berniaga dan berdagang di Malaysia.
- d. Dengan mengikuti kursus bahasa Melayu memudahkan saya mendapat pekerjaan di Selatan Thai.
- e. Pengetahuan bahasa Melayu memudahkan saya berdakwah.
- f. Pengetahuan bahasa Melayu memudahkan saya mendapat maklumat dan hiburan dari media (spt. TV, radio, akhbar) dari Malaysia
- j. Bagi saya belajar bahasa Melayu penting kerana bahasa Melayu perlu terus digunakan dalam upacara keagamaan.
- p. Belajar bahasa Melayu penting bagi saya untuk membolehkan saya terlibat dengan aktiviti-aktiviti masjid.

Terdapat juga lima kenyataan yang bersifat identiti dan kesetiaan kepada bahasa dan budaya ibunda/nenek moyang dalam soal selidik tersebut, iaitu:

- g. Ibu bapa amat menggalakkan saya belajar bahasa Melayu supaya saya tahu bahasa keturunan saya yang telah dilupakan oleh kebanyakan ahli keluarga dan saudara mara saya.
- h. Saya berasa penting untuk mempelajari bahasa Melayu kerana bahasa ini bahasa ibunda dan bahasa nenek moyang saya.
- i. Belajar bahasa Melayu membolehkan saya meneruskan adat resam warisan nenek moyang saya.
- k. Saya merasakan sebagai orang Jawi (Melayu) saya patut belajar dan tahu bahasa Melayu..
- l. Ibu bapa mengatakan, saya patut belajar bahasa Melayu sekiranya saya ingin meneruskan tradisi dan cara hidup nenek moyang saya.

iv. **BAHAGIAN D**

Soalan BAHAGIAN D dikemukakan untuk memdapatkan maklumat pemilihan dan penggunaan bahasa di kalangan pelajar mengikut domain. Bagi mendapatkan maklumat tersebut, responden telah diminta mengisi maklumat tentang bahasa yang digunakan dan soalan-soalan telah dikemukakan berdasarkan enam domain, iaitu domain kekeluargaan, kejiranan, rakan sebaya, pentadbiran dan pengurusan, jual beli dan keagamaan.

3.2.1.3 Pengedaran dan Pengumpulan Borang Soal Selidik

Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden dan dikumpulkan bermula dalam bulan Februari 2002 hingga Disember 2002. Untuk tujuan tersebut, pengkaji telah meminta kebenaran daripada kedua-dua buah universiti dan seterusnya berhubung terus dengan jabatan yang menawarkan kursus bahasa Melayu di universiti-universiti berkenaan. Pihak universiti telah memberi kebenaran kepada pengkaji untuk menemui pelajar di dalam kelas dan membenarkan soal selidik diedarkan dan dikumpulkan semula pada akhir kelas. Hasilnya semua pelajar yang hadir pada hari dan waktu yang ditetapkan telah mengisi borang soal selidik yang diedarkan.

Untuk tujuan pengedaran dan pengumpulan borang soal selidik ini pengkaji terpaksa pergi ke setiap universiti sebanyak tiga kali. Jadual berada di universiti itu diatur bersama pensyarah yang mengajar kursus bahasa Melayu di universiti-universiti yang berkenaan sebelum itu. Ini disebabkan bukan semua kelas boleh dijadikan responden. Di PSU, borang soal selidik hanya diedarkan kepada pelajar tahun dua dan tahun tiga sahaja, kerana pensyarah di universiti berkenaan mengatakan pelajar tahun satu tidak sesuai dijadikan responden. Ini disebabkan di PSU pelajar tahun satu baru didedahkan dengan dunia Melayu dan mereka belajar mengenali bahasa Melayu dengan menggunakan bahasa Thai.

3. 2.1.4 Prosedur Menganalisis Borang Soal Selidik

Borang soal selidik yang telah diisi oleh responden kemudian dianalisis menggunakan program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 10.0. Sebagai satu kajian deskriptif, analisis kekerapan (*frequency*) dan peratusan (*percentage*) digunakan bagi menjawab persoalan kajian, iaitu sikap pelajar terhadap bahasa Melayu, sebab-sebab pelajar mempelajari bahasa Melayu, faktor yang menjadi motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu dan penggunaan bahasa pelajar.

Responden dalam kajian ini terdiri daripada latar belakang agama dan tempat tinggal yang berbeza. Oleh itu prosedur penjadualan bersilang (*cross*

tabulation) juga akan digunakan untuk menganalisis perbezaan sikap dan penggunaan bahasa mereka.

3.2.2 Kaedah Pemerhatian Ikut Serta

Di samping mengedarkan borang soal selidik, kaedah pemerhatian juga dilakukan untuk mengumpul data. Kaedah pemerhatian ikut serta telah digunakan dalam kajian. Bagi tujuan membuat pemerhatian cara ini, penyelidik telah pergi ke tempat-tempat pelajar berkenaan berkumpul. Tempat-tempat seperti pasar malam, kafetaria, kedai buku, farmasi, pejabat yang terletak di dalam kawasan kampus dan di luar kampus telah dikunjungi oleh penyelidik dengan ditemani oleh pensyarah, isteri pensyarah atau ketua pelajar dari universiti-universiti yang berkenaan dan kadangkala pergi secara bersendirian. Semasa di sana penyelidik memerhatikan sahaja perbualan pelajar-pelajar berkenaan tanpa mereka mengetahui bahawa mereka sedang diperhatikan. Untuk tujuan tersebut, sekiranya penyelidik pergi bersama ketua pelajar, penyelidik hanya memberitahu beliau bahawa tujuan ke tempat-tempat tersebut hanyalah ingin meninjau atau melawat tempat tersebut sahaja.

Penyelidik pergi ke kawasan kajian hampir setiap bulan dalam tahun 2002 untuk tujuan pemerhatian. Dengan bantuan isteri seorang pensyarah di Universiti Walailak, pengkaji telah pergi ke kawasan-kawasan kampung berhampiran dengan kampus. Di kawasan kampung tersebut penyelidik telah memerhatikan

penggunaan bahasa masyarakat tempatan ketika berkomunikasi di masjid, surau, kedai, pasar, pasar pagi, pasar malam dan sebagai.

Semasa di Universiti Prince of Songkla, Pattani, membuat pemerhatian ikut serta ini menjadi lebih mudah. Ini kerana penyelidik terlibat dengan Program Keluarga Angkat semasa pelajar-pelajar berkenaan berada di Malaysia selama sebulan untuk membolehkan mereka membuat latihan amali kursus bahasa Melayu dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka. Penyelidik telah menjadi kakak angkat kepada beberapa orang pelajar. Dengan cara itu, ia membolehkan pula penyelidik pergi atau menziarah rumah keluarga pelajar yang menjadi anak angkat itu. Ini membolehkan penyelidik terlibat sama dengan aktiviti masyarakat penduduk kampung tempat tinggal pelajar, seperti menghadiri majlis perkahwinan dan upacara agama yang lain.

Penyelidik pergi ke kampung tempat tinggal mereka dan tinggal bersama keluarga mereka. Ada kalanya ahli keluarga penyelidik dibawa bersama. Tujuan sebenarnya adalah untuk membolehkan pemerhatian dibuat terhadap bahasa yang digunakan dengan ahli keluarga tanpa disedari oleh mereka. Temu bual tidak berstruktur juga dibuat terhadap pelajar. Biasanya temu bual dibuat secara spontan sesuai dengan majlis yang dihadiri tanpa pelajar menyedari yang mereka sedang diperhatikan.

Kaedah pemerhatian ikut serta ini dilakukan kerana ia merupakan teknik yang paling sesuai kerana di kawasan kajian isu tentang bahasa Melayu ini merupakan sesuatu yang agak sensitif, memandangkan kawasan sempadan Selatan Thai ini asalnya merupakan kawasan kerajaan Melayu dan hanya berada di bawah pemerintahan Siam sepenuhnya apabila pemerintahan beraja Melayu dihapuskan di wilayah tersebut pada tahun 1909.

Thailand menjalankan dasar asimilasi di kalangan masyarakat Thai Muslim (orang Melayu) dan masyarakat Thai yang beragama Buddha di wilayah-wilayah sempadan selatan Thai dengan membuat beberapa dasar. Namun seperti yang dikatakan oleh Worawit Baru (1999), "... , BM secara jelas menghalang dasar asimilasi dan perpaduan negara kerana BM sendiri menjadi benteng yang mempertahankan *Melayu di Thailand* daripada segala bentuk ancaman di samping mengasingkan golongan Melayu dengan golongan lain di negara ini."

3.3 Responden

Responden dalam kajian ini adalah pelajar-pelajar dari Universiti Prince of Songkla, Pattani dan pelajar-pelajar dari Universiti Walailak, Nakhon Sri Tammarat. Maklumat lanjut tentang responden akan diterangkan secara terperinci dalam bahagian ini.

3.3.1 Latar Belakang Responden

Responden dalam kajian ini adalah seramai satu 147 orang pelajar dari dua buah universiti di Selatan Thailand, iaitu seramai 70 orang pelajar dari Universiti Prince of Songkla, Pattani dan 77 orang lagi dari Universiti Walailak, Nakhon Sri Thammarat. Sebenarnya 90 borang soal selidik telah diedarkan kepada semua pelajar yang mengikuti kursus bahasa Melayu di PSU, namun hanya 70 borang yang dikembalikan. Bagi WU pula, sebanyak 85 borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar, namun 77 borang sahaja yang dikembalikan.

Daripada jumlah tersebut seramai 40 orang terdiri daripada pelajar lelaki dan 107 orang lagi adalah pelajar prempuan. Responden adalah terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus bahasa Melayu dari tahun dua dan tahun tiga atau dari semester tiga hingga ke semester enam pengajian. Umur pelajar adalah dalam lingkungan 18-24 tahun. Bilangan responden yang beragama Islam lebih ramai berbanding dengan bilangan responden yang beragama Buddha. Butir-butir terperinci tentang bilangan pelajar menurut jantina, umur dan agama bagi setiap universiti dapat dilihat dalam Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1: Bilangan dan Peratusan Pelajar Mengikut Jantina dan Agama di Universiti Prince Of Songkla (PSU) dan Universiti Walailak (WU) yang Menjadi responden

Universiti	Jantina		Agama	
	Lelaki	Perempuan	Islam	Buddha
Universiti Prince of Songkla	25 62.5%	45 42.1%	59 51.8%	11 33.3%
Universiti Walailak	15 37.5%	62 57.9%	55 48.2%	22 66.7%
Jumlah	40 100%	107 100%	114 100%	33 100%

Jadual 3.1 di atas menunjukkan butir-butir terperinci bilangan dan peratusan pelajar yang menjadi responden kajian mengikut jantina dan agama. Pelajar lelaki yang menjadi responden adalah seramai empat puluh orang, iaitu 25 orang (62.5%) dari PSU dan selebihnya iaitu seramai 15 orang (37.5%) dari WU.

Apabila ditinjau berdasarkan agama pula seramai 114 orang responden beragama Islam dan selebihnya iaitu 33 orang beragama Buddha. Seramai 59 orang (51.8%) responden dari PSU dan seramai 55 orang (48.2%) responden dari WU beragama Islam. Responden yang beragama Buddha pula 11 orang (33.3%) dari PSU, manakala 22 orang (66.7%) dari WU.

Tempat lahir dan daerah asal/tempat tinggal responden sebenarnya dari serata daerah di negeri Thai, iaitu dari 75 buah wilayah. Dalam kajian ini, daerah asal responden dipecahkan berdasarkan arah mata angin. Berdasarkan arah mata angin negeri Thai terbahagi kepada lima bahagian, iaitu bahagian Utara, bahagian Timur Laut , bahagian Tengah, bahagian Tenggara dan bahagian Selatan, seperti yang dapat dilihat dalam Peta 3.1: Negara Thai Mengikut Bahagian Berdasarkan Arah Mata Angin. Taburan responden berdasarkan daerah asal/tempat tinggal responden dapat dilihat dalam Jadual 3.2 di bawah.

Jadual 3.2: Bilangan dan Peratusan Responden Berdasarkan Tempat Asal

Tempat Asal	Bilangan	Peratusan
Bahagian Utara Thailand	4	2.7
Bahagian Tengah Thailand	26	17.7
Bahagian Timur Laut Thailand	5	3.4
Bahagian Selatan Thailand	112	76.2

Jadual 3.2 di atas menunjukkan bilangan responden berdasarkan tempat asal yang telah dibahagikan kepada empat bahagian berdasarkan arah mata angin. Berdasarkan Jadual 3.2 dapat dilihat majoriti responden adalah dari bahagian



Peta 3.1: Negara Thai Mengikut Bahagian Berdasarkan Arah Mata Angin

Selatan Thailand, iaitu sebanyak 112 orang (76.2%), manakala selebihnya iaitu 26 orang (17.7 %) dari bahagian Tengah Thailand, 5 orang (3.4 %) dari bahagian Timur Thailand dan selebihnya iaitu 4 orang (2.7%) dari bahagian Utara Thailand.

Bahasa ibunda merupakan bahasa pertama yang dikuasai oleh seseorang individu sejak lahir melalui interaksi dengan ahli kumpulan komunitinya. Bagi responden yang dikaji seramai 98 orang (66.7%) berbahasa ibunda bahasa Melayu dialek Patani, manakala 49 orang (33.3%) berbahasa ibunda bahasa Thai. Jadual 3.3 di bawah menunjukkan bahasa ibunda responden mengikut jantina dan agama.

Jadual 3.3: Bahasa Ibunda Responden Mengikut Jantina dan Agama dalam Bentuk Bilangan dan Peratusan

Bahasa Ibunda	Jantina		Agama	
	Lelaki	Perempuan	Islam	Buddha
Melayu	35 87.5%	63 58.9%	97 85.1%	1 3.0%
Thai	5 12.5%	44 41.1%	17 14.9%	32 97.0%

Berdasarkan Jadual 3.3 di atas, menunjukkan daripada jumlah 40 orang responden lelaki, 35 orang (87.5%) berbahasa ibunda bahasa Melayu, manakala 5 orang (12.5%) sahaja yang berbahasa ibunda bahasa Thai. Bagi responden

perempuan pula, dari 107 orang tersebut, seramai 63 orang (58.9%) berbahasa ibunda bahasa Melayu dan 44 orang (41.1%) berbahasa ibunda bahasa Thai. Dari aspek agama pula, didapati daripada 114 orang responden yang beragama Islam, 97 orang (85.1%) berbahasa ibunda bahasa Melayu, manakala selebihnya 17 orang (14.9%) berbahasa ibunda bahasa Thai. Daripada 33 orang responden yang beragama Buddha didapati 32 orang (97.0%) berbahasa ibunda bahasa Thai dan hanya seorang (3.0%) yang berbahasa ibunda bahasa Melayu.

3.3.2 Penguasaan Bahasa Responden

Rata-rata responden yang dikaji menguasai lebih daripada dua bahasa. Bahasa utama yang dikuasai oleh keseluruhan responden sebagai warga Thai adalah bahasa Thai. Bahasa Thai adalah bahasa yang digunakan dalam keseluruhan sistem pendidikan dan pentadbiran di negara ini, di samping sebagai satu-satunya bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara. Responden pula merupakan golongan terpelajar, yakni pelajar universiti yang menggunakan bahasa Thai sepanjang tempoh pendidikan dari sekolah rendah hingga ke peringkat universiti.

Walau bagaimanapun, oleh sebab sebilangan besar responden (112 orang (76.2%)) berasal dari daerah Selatan Thai, yang asal-usulnya daripada daerah kerajaan Melayu, maka bahasa Melayu dialek Patani merupakan bahasa yang juga dikuasai oleh kebanyakan responden dan digunakan untuk tujuan

komunikasi. Bahasa Melayu dialek Patani ini bersinonim dengan bahasa Jawi dan sistem tulisan jawi digunakan sebagai sistem tulisannya. Di samping itu, pelajar juga mengikuti kursus bahasa Melayu standard, yakni bahasa Melayu Standard yang digunakan di Malaysia dan menggunakan tulisan rumi semasa mengikuti kursus bahasa Melayu di universiti.

Jadual 3.4: Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Responden

Aspek Bahasa	Tahap Penguasaan Bahasa			
	Lancar	Sederhana	Kurang Lancar	Tidak Tahu
Bertutur	15 10.2%	78 53.1%	43 29.5%	11 7.5%
Mendengar	17 11.6%	92 62.5%	27 18.4%	11 7.5%
Membaca	38 25.9%	77 52.4%	32 21.5%	-
Menulis	26 17.6%	77 52.4%	44 30.0%	-

Jadual 3.4 di atas menunjukkan tahap penguasaan bahasa Melayu responden. Secara menyeluruh dapatlah dikatakan bahawa tahap penguasaan bahasa Melayu responden dalam kajian ini adalah pada tahap sederhana. Namun jika dilihat secara terperinci didapati dari aspek bertutur, 15 orang (10.2%) pada

tahap lancar, 78 orang (53.1%) pada tahap sederhana, 43 orang (29.5%) pada tahap kurang lancar dan 11 orang (7.5%) pada tahap tidak tahu. Dilihat dari aspek mendengar, didapati 17 orang (11.6%) pada tahap lancar, 92 orang (62.5%) sederhana, 27 orang (18.4%) kurang lancar dan selebihnya 11 orang (7.5%) tidak tahu. Dari aspek kebolehan membaca pula didapati 38 orang (25.9%) pada tahap lancar, 77 orang (52.4%) sederhana, manakala selebihnya iaitu 32 orang (21.5%) pada tahap kurang lancar. Akhir sekali dari aspek menulis seramai 26 orang (17.6%) pada tahap lancar, 77 orang (52.4%) pada tahap sederhana dan 44 orang (30.0%) lagi kurang lancar. Jadual 4.4 di atas juga menunjukkan semua responden boleh membaca dan menulis dalam bahasa Melayu.

Selain daripada bahasa Thai dan bahasa Melayu, sebahagian responden juga menguasai bahasa lain, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Ini disebabkan Thailand telah menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa asing yang wajib dipelajari sejak pelajar berada di sekolah rendah. Daripada 147 orang responden tersebut, seramai 133 orang menguasai bahasa Inggeris. Bilangan yang tidak menguasai bahasa ini hanya 14 orang sahaja. Jadual 3.5 di bawah menunjukkan tahap penguasaan bahasa Inggeris responden yang berkenaan.

Jadual 3.5: Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris Responden

Aspek Bahasa	Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris			
	Lancar	Sederhana Lancar	Kurang Lancar	Tidak Tahu
Bertutur	1 (0.7%)	49 (36.9%)	82 (61.7%)	1 (0.7%)
Mendengar	3 (2.3%)	56 (42.1%)	71 (53.3%)	3 (2.3%)
Membaca	5 (3.8%)	75 (56.4%)	53 (39.8%)	-
Menulis	3 (2.3%)	75 (56.4%)	55 (41.3%)	-

Berdasarkan Jadual 3.5 di atas, secara umum dapat dirumuskan tahap penguasaan bahasa Inggeris responden yang berkenaan adalah pada tahap sederhana lancar dan kurang lancar. Dari aspek bertutur dalam bahasa Inggeris, hanya seorang (0.7%) sahaja berada pada tahap lancar, 49 orang (36.9%) pada tahap sederhana lancar, 82 orang (61.7%) kurang lancar dan seorang (0.7%) tidak tahu. Dari aspek mendengar pula, 3 orang (2.3%) pada tahap lancar, 56 orang (42.1%) sederhana lancar, 71 orang (53.3%) kurang lancar dan 3 orang (2.3%) tidak tahu. Dari aspek membaca, 5 orang (3.8%) berada pada tahap lancar, 75 orang (56.4%) tahap sederhana lancar dan 53 orang (39.8%) pada tahap kurang lancar. Akhir sekali, dari aspek menulis dalam bahasa Inggeris, 3 orang (2.3%) pada tahap lancar, 75 orang (56.4%) pada tahap sederhana lancar dan 55 orang

(41.3%) lagi pada tahap kurang lancar. Jadual 4.5 di atas juga menunjukkan semua responden tahu membaca dan menulis dalam bahasa Inggeris.

Sebahagian responden juga tahu berbahasa Arab. Di negara Thai bahasa Arab dipelajari melalui sekolah pondok atau surau bagi responden yang beragama Islam. Didapati daripada 147 orang responden, 78 orang (53.1%) menguasai bahasa Arab. Jadual 3.6 di bawah menunjukkan tahap penguasaan bahasa Arab responden yang berkenaan.

Jadual 3.6: Tahap Penguasaan Bahasa Arab Responden

Aspek Bahasa	Tahap Penguasaan Bahasa Arab			
	Lancar	Sederhana Lancar	Kurang Lancar	Tidak Tahu
Bertutur	2 (2.6%)	22 (28.2%)	53 (67.9%)	1 (1.3%)
Mendengar	4 (5.1%)	31 (39.7%)	41 (52.6%)	2 (2.6%)
Membaca	10 (12.8%)	40 (51.3%)	28 (35.9%)	-
Menulis	7 (8.9%)	44 (56.4%)	27 (34.7%)	-

Jadual 3.6 di atas menunjukkan secara menyeluruh responden berkenaan menguasai bahasa Arab pada tahap sederhana lancar dan kurang lancar. Secara terperinci, didapati dari aspek bertutur, hanya 2 orang (2.6%) sahaja berada pada tahap lancar, 22 orang (28.2%) pada tahap sederhana lancar, 53 orang (67.9%) kurang lancar dan seorang (1.3%) pada tahap tidak tahu. Dari aspek mendengar pula, 4 orang (5.1%) berada pada tahap lancar, 31 orang (39.7%) sederhana lancar, 41 orang (52.6%) kurang lancar dan 2 orang (2.6%) lagi pada tahap tidak tahu. Dari aspek membaca dalam bahasa Arab, 10 orang (12.8%) pada tahap lancar, 40 orang (51.3%) sederhana lancar dan 28 orang (35.9%) kurang lancar. Akhir sekali, dari aspek menulis dalam bahasa Arab 7 orang (8.9%) pada tahap lancar, 44 orang (56.4%) sederhana lancar dan 27 orang (34.7%) lagi pada tahap kurang lancar. Sama seperti bahasa Inggeris, semua responden yang mengetahui bahasa Arab ini tahu membaca dan menulis dalam bahasa tersebut.

Berdasarkan aspek penguasaan bahasa, dapatlah dirumuskan rata-rata responden dalam kajian ini menguasai lebih daripada dua bahasa. Bahasa Thai dikuasai dengan baik oleh responden. Bahasa-bahasa lain yakni bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab secara keseluruhannya dikuasai pada tahap sederhana dan kurang lancar. Dari segi jumlah, semua responden menguasai bahasa Melayu, walaupun pada tahap yang berbeza. Ini kerana responden dalam kajian ini telah mengikuti kursus bahasa Melayu sejak semester pertama. Bagi bahasa Inggeris pula, seramai 133 sahaja yang menguasai bahasa tersebut. Jumlah responden yang menguasai bahasa Arab pula hanyalah 78 orang sahaja.

3.4 Masalah dalam Mengumpul Data

Dalam usaha mengumpul data untuk kajian ini terdapat beberapa masalah yang terpaksa dihadapi. Kawasan kajian adalah di negara luar yang tentunya memerlukan satu persefahaman dan bantuan yang menggalakkan dari pihak negara tersebut. Untuk tujuan tersebut, setahun sebelum penyelidikan dijalankan, pengkaji telah menjalin hubungan yang baik dengan dekan dan ketua kursus di kedua-dua buah universiti. Di samping itu, penyelidik turut menghadiri persidangan yang berkaitan bahasa dan kebudayaan yang dianjurkan oleh universiti-universiti di Selatan Thai setiap kali diadakan. Kadangkala bagi persidangan yang berkaitan dengan bidang pengkhususan pengkaji, pengkaji turut sama membuat pembentangan kertas kerja. Melalui cara ini, pengkaji dapat berkenalan dengan mereka dan menyatakan hasrat secara tidak rasmi dan mendapat persetujuan secara tidak rasmi. Selepas itu baharulah segala urusan rasmi, yakni surat menyurat berhubung kunjungan atau lawatan dan temu janji lain dibuat.

Kedua, masalah timbul semasa meminta pelajar mengisi borang soal selidik. Soal selidik telah dibina dengan menggunakan bahasa Melayu. Pensyarah yang mengajar bahasa Melayu di sana mencadangkan supaya soal selidik hanya dibuat dalam bahasa Melayu sahaja, yakni tanpa terjemahan dalam bahasa Thai. Ini kerana mereka juga ingin melihat sejauh mana pelajar yang telah mereka ajar ini memahami bahasa Melayu. Akibatnya sesetengah perkataan tidak difahami

oleh pelajar, terutamanya pelajar tahap dua yang agak terhad perbendaharaan katanya. Masalah ini memang telah dijangka akan timbul. Masalah ini dapat diatasi dengan bantuan pensyarah Bahasa Melayu dari universiti berkenaan, yang telah menerangkan makna perkataan-perkataan yang tidak difahami oleh pelajar dalam bahasa Thai, semasa pelajar mengisi borang soal selidik tersebut. Biasanya setiap kali soal selidik diedarkan seorang pembantu, sama ada pensyarah atau pelajar lama, yakni pelajar tahun akhir akan bersama pengkaji bagi membantu menyelesaikan masalah tersebut.

Ketiga, oleh sebab pengkaji perlu tinggal di kawasan kajian untuk membuat pemerhatian, masalah yang timbul adalah tempat tinggal dan kenderaan. Untuk tinggal selama sehari atau dua biasanya pengkaji menyewa hotel. Tetapi bagi tempoh yang lebih panjang untuk tinggal di hotel tentunya akan timbul masalah kewangan. Untuk itu, keluarga angkat diperlukan. Semasa di Pattani, pengkaji kadangkala tinggal dengan keluarga angkat, yakni di rumah salah seorang pelajar. Semasa di Nakhon Sittammarat pula pengkaji tinggal di apartmen salah seorang pensyarah.

Masalah bahasa merupakan satu masalah yang besar. Masyarakat tempatan, terutamanya di Nakhon Siri Thammarat hanya boleh berbahasa Thai. Pengkaji perlu tahu bahasa tersebut sedikit sebanyak terutamanya untuk memesan makanan, bertanya, meminta bantuan, menaiki kenderaan awam dan sebagainya. Untuk tujuan tersebut, tiga bulan sebelum memulakan kajian pengkaji mengikuti

kursus bahasa Thai dan kamus sendiri yang menyenaraikan ungkapan dan perkataan-perkataan yang perlu digunakan semasa memesan makanan atau menaiki kenderaan awam sentiasa berada dalam tangan pengkaji.

Di samping itu masyarakat Thai yang agak jauh dari sempadan Malaysia, sama ada yang Islam dan tidak Islam mempunyai ciri-ciri yang sama dari segi pakaian dan rupa paras. Oleh itu, ada ketikanya sukar untuk mencari kedai makan yang halal, terutamanya ketika berada di bandar Nakhon Sri Thammarat. Untuk mengatasi masalah tersebut, biasanya pengkaji akan pergi ke bandar dengan seorang rakan masyarakat tempatan. Jika terpaksa pergi sendiri, biasanya pengkaji mengelak daripada pergi ke kedai makan. Perkara ini tidak menjadi masalah di dalam kampus kerana di kampus ada kedai makan khas yang halal.

Untuk membuat pemerhatian, maka tempat-tempat yang sering dikunjungi pelajar seperti pasar malam, pasar pagi, kafetaria, kantin, kedai buku, gedung membeli belah perlu selalu dikunjungi. Kenderaan awam terhad dan biasanya mempunyai jadualnya sendiri. Ini tentunya menjadi masalah kepada pengkaji, terutamanya ketika berada di Universiti Walailak, Nakhon Sri Thammarat. Untuk itu, pengkaji terpaksa menyewa basikal, dan di hotel dalam kampus perkhidmatan ini memang disediakan. Namun kadangkala pengkaji bernasib baik terutamanya apabila ada pelajar yang mempunyai motosikal yang sanggup datang mengambil dan menghantar. Masalah ini tidak timbul semasa di Pattani kerana di Universiti Prince of Songkla, kenderaan awam, iaitu Tut-tut banyak dan beroperasi hingga

pukul 10.00 malam. Tambahan pula kebanyakan pemandu Tut-tut boleh bertutur dalam dialek Pattani.

3.5 Kesimpulan

Terdapat beberapa kaedah yang telah digunakan oleh sarjana sains sosial untuk mengumpul data, sama ada berbentuk kuantitatif ataupun kualitatif. Walau apa kaedah yang digunakan, namun tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumat dan data bagi bidang dan topik yang diselidiki.

Dalam zaman teknologi moden ini, manusia telah mencipta program komputer yang dapat memudahkan lagi kerja-kerja penganalisisan data. Penggunaan program SPSS versi 10.0 dapat mempercepatkan kerja-kerja menganalisis data mengikut keperluan kajian.

Untuk mengkaji sikap pelajar mempelajari dan menggunakan bahasa di kalangan pelajar di Universiti Walailak dan Universiti Prince of Songkla, Selatan Thailand ini, pengkaji telah menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan data kuantitatif dan diperkuatkan lagi oleh data kualitatif yang diperolehi melalui pemerhatian yang dilakukan sepanjang tinggal di kawasan kajian.